

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Islam
Sent: Monday, February 13, 2017 10:42 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: One Stop Centre U-Assist
Subject: TAZKIRAH MINGGU INI



Pusat Islam
ISLAMIC CENTRE
Universiti Utara Malaysia



13 Februari 2017/ 16 Jamadil Awal 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera

YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

PUSAT ISLAM ONLINE:

Tazkirah minggu ini untuk renungan bersama:

Mengeratkan Silaturrahim

Daripada Abu Hurairah RA juga, bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda, “Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah dia memuliakan tetamunya, sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah dia menghubungkan silaturrahim, sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia berkata yang baik-baik atau mendiamkan diri”. (Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Huraian Hadith:

1. Tanda seorang yang sempurna imannya dengan Allah dan hari akhirat iaitu mempunyai sifat-sifat memuliakan tetamu, menghubungkan silaturrahim dan bercakap tentang perkara-perkara yang baik atau berdiam diri.
2. Bercakap perkara-perkara yang baik iaitu percakapan atau penulisannya yang tidak menyakitkan saudaranya, tidak membawa kepada sia-sia dan berdosa.

3. Berdiam diri kerana tidak mahu berkata-kata perkara yang tidak berfaedah atau haram adalah lebih baik kerana perbuatan sedemikian berolehnya pahala.

Wallahua'lam

Sebarang pertanyaan sila hubungi Ustazah Madihah bt Mohamed Ibrahim/ Ustaz Syahril Fazli bin Mat Hussain, Unit Penyelidikan, Penerbitan dan Perundingan Pusat Islam UUM di talian 04-9282558/2567.

**PUSAT ISLAM UUM,
KOMPLEKS PUSAT ISLAM,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 UUM SINTOK, KEDAH**

Tel: 04-9282560/2569

Fax : 04-9282561

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>

Email : p.islam@uum.edu.my

Facebook : Pusat Islam UUM



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.